

Curi motosikal di HUS, lelaki dipenjara setahun

KUCHING: Seorang lelaki dijatuhi hukuman penjara setahun oleh Mahkamah Majistret semalam, akibat mencuri sebuah motosikal di Hospital Umum Sarawak (HUS) di sini, November tahun lalu.

Mohamad Zaidel Sidi, 40, mengaku bersalah sebaik dia didakwa mengikut Seksyen 379A Kanun Kesekeaman dibaca bersama Seksyen 34 Kanun yang membawa hukuman penjara minimum setahun dan maksimum tujuh tahun, dan juga boleh dikenakan denda, jika sabit kesalahan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh bersama seorang

lagi lelaki yang masih bebas didakwa mencuri sebuah motosikal milik pengadu lelaki berusia 43 tahun pada 1 November 2023, antara jam 8 pagi dan 1 petang di tempat letak motosikal di HUS di sini.

Fakta kes mendedahkan pengadu menyedari motosikal miliknya yang diletakkan di tempat letak motosikal berbungkus di HUS telah hilang.

Laporan polis dibuat dan siasatan menjurus ke arah tertuduh, sehingga membawa kepada penangkapan tertuduh bersama motosikal terbabit.

Siasatan lanjut mendapati

pengadu mengenali motosikal dirampas daripada tertuduh, selain mengesahkan bahawa ia merupakan kenderaan miliknya yang dilaporkan hilang.

Selain itu, siasatan juga mendapatimotosikal tersebut telah diubah warna catnya, bagaimanapun pemeriksaan lanjut polis mendapati nomor basis dan enjinnya adalah sama dengan motosikal milik pengadu.

Pendakwaan dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa ASP Arman Ibrahim di hadapan Majistret Syarifah Fatimah Azura Wan Ali sementara tertuduh tidak diwakili peguam bela.